



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	JHL SABAH			

Papar: Seekor buaya yang tular di media sosial selepas dirakam muncul di atas jalan di Kampung Nagapas di sini, pada Rabu lalu, akhirnya ditangkap, malam kelmarin.

Reptilia sepanjang lima meter itu ditangkap sepasukan anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Papar yang dibantu penduduk kampung jam 7.30 malam.

Sebelum itu, buaya berkenaan dikesan penduduk kampung di kedudukan 100 meter daripada lokasi pertama haiwan terbabit ditemui pada minggu lalu.

Penduduk Richard Limbang, 52, berkata, penduduk kampung pada awalnya sukar mendekati buaya itu atas faktor keselamatan.



Sang Bedal 700kg kena tangkap

ANGGOTA APM bersama buaya yang ditangkap, kelmarin.

Namun, katanya, sebaik APM tiba, penduduk yang membawa peralatan seperti tali terus membantu menjerat reptilia berkenaan.

“Usaha menangkap haiwan itu sukar disebabkan saiz badannya yang besar selain amat ganas.

“Buaya berkenaan berjaya

ditangkap selepas lebih sejam ‘bertarung’ dengan pasukan APM dan penduduk kampung,” katanya.

Katanya, buaya itu dibawa oleh APM dan Jabatan Hidupan Liar Sabah yang turut hadir membantu di lokasi kejadian.

Sementara itu, APM dalam kenyataan media semalam berkata, sepasukan anggota APM Papar dihantar ke lokasi untuk menangkap haiwan berkenaan sebaik menerima laporan.

Katanya, buaya seberat 700 kilogram dan panjang hampir lima meter berjaya ditangkap dengan bantuan penduduk kampung.

“Buaya diserahkan kepada Jabatan Hidupan Liar Sabah untuk tindakan lanjut,” katanya.